



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB, PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj.Kami:PWN.SEL.1058 Jld.4(10)
Tarikh 6 Oktober 2019

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PERALIHAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS) KEPADA SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS) PADA TAHUN 2020


Dengan hormat perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sistem perakaunan SPEKS akan digantikan dengan sistem iSPEKS bermula 1 Januari 2020.
3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan peralihan ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan mengikut jadual yang telah ditetapkan, satu garis panduan telah dikeluarkan untuk rujukan semua Ketua Jabatan dan Ketua Pusat Tanggungjawab berkaitan tindakan yang perlu diambil sebelum dan semasa peralihan ke sistem iSPEKS.
4. Dengan adanya garis panduan ini, diharap semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab dapat bersedia lebih awal dalam membuat perancangan bagi memastikan program dan aktiviti utama dapat diteruskan seperti biasa seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan.
5. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan peralihan ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


DATO' NOR AZMIE DIRON D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

sk. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



GARIS PANDUAN PERALIHAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS) KEPADA SISTEM PERAKAUNAN AKRUAAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS) PADA TAHUN 2020

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menerangkan dan memberikan arahan yang perlu dipatuhi oleh semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk tempoh sebelum dan semasa proses peralihan sistem perakaunan SPEKS kepada sistem iSPEKS yang akan mula digunakan pada 8 Januari 2020

2.0 TEMPOH PERALIHAN

Peralihan dari sistem SPEKS kepada sistem baharu iSPEKS ini mempunyai 2 tempoh seperti berikut:

- a. Sebelum peralihan iaitu sebelum atau pada 31 Disember 2019
- b. Semasa peralihan iaitu bermula 1 hingga 7 Januari 2020

3.0 SEBELUM PERALIHAN KE SISTEM iSPEKS

Tindakan dan perkara yang perlu diambil perhatian oleh Jabatan dan PTJ **sebelum atau pada 31 Disember 2019** adalah seperti berikut:-

a. Pendaftaran

Proses pendaftaran pengguna sistem iSPEKS masih boleh diteruskan terutamanya bagi kakitangan baharu sehingga 13 Disember 2019. **Ketua Jabatan hendaklah memastikan akaun emel rasmi diberikan kepada semua pengguna sistem iSPEKS** kerana ia adalah keperluan wajib yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

b. Pesanan Tempatan dan Waran Udara

Bil	Aktiviti	Tindakan
i	Pesanan Tempatan yang belum diluluskan	Pesanan Tempatan perlu dibatalkan di SPEKS sebelum atau pada 31 Disember 2019 dan diwujudkan semula dalam tahun 2020 di sistem iSPEKS menggunakan bajet tahun 2020.
ii	Pesanan Tempatan yang telah diluluskan tetapi belum ada penerimaan barang	Pesanan Tempatan perlu dibatalkan di SPEKS dan diwujudkan semula dalam tahun 2020 di sistem iSPEKS menggunakan bajet tahun 2020. Pembekal perlu dimaklumkan tentang pembatalan Pesanan Tempatan tersebut.
iii	Pesanan Tempatan yang telah diluluskan di mana barang telah diterima tetapi bayaran belum dibuat	Bayaran hendaklah dibuat pada atau sebelum 13 Disember 2019 di sistem SPEKS. Bagi pesanan tempatan yang tidak sempat dibayar, bayaran hendaklah dibayar menggunakan sistem iSPEKS dan menggunakan bajet tahun 2020.
iv	Waran Udara	Semua waran udara hendaklah dibayar sebelum 31 Disember 2019. Sebarang waran udara yang tidak sempat dibayar, bayaran hanya akan dibuat menggunakan sistem iSPEKS menggunakan bajet tahun 2020.

c. Tanggungan Kontrak

Semua tanggungan kontrak yang masih belum selesai pada 31 Disember 2019 hendaklah dibuat pengemaskinian sebelum 31 Disember 2019 di dalam sistem SPEKS kerana maklumat ini akan dimuatnaik ke dalam sistem iSPEKS untuk digunakan semasa membuat bayaran pada tahun 2020.

d. Wang Panjar

Semua jenis wang panjar hendaklah diselesaikan dan direkup termasuk ditunaikan sebelum 31 Disember 2019. Cetakan Sijil Akhir Tahun Panjar hendaklah dibuat menggunakan sistem SPEKS.

e. Akaun Amanah Dan Deposit

- Semakan dan pengemaskinian ke atas semua transaksi akaun amanah, deposit serta subsidiari hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2019 agar data yang dipindahkan ke iSPEKS adalah bersih dan tepat.
- Jumlah amaun di subsidiari hendaklah sama dengan jumlah amaun di akaun amanah atau deposit yang akan dibawa sebagai baki awal ke sistem iSPKES.
- Bagi akaun deposit yang tidak dituntut melebihi tempoh yang ditetapkan, deposit ini hendaklah diwarta dan dipindahkan ke hasil jika ia masih tidak dituntut selepas 3 bulan diwartakan.

f. Terimaan dan Penyata Pemungut

- Semua proses terimaan serta penyata pemungut hendaklah diselesaikan sehingga pengeluaran Resit Perbendaharaan pada 31 Disember 2019.
- Sebarang terimaan yang menggunakan Kod Urusniaga 153 (Cek/Wang Tunai dalam tangan belum dimasukkan ke dalam bank) dan 154 (Wang Tunai dalam bank tetapi tidak terdapat di dalam buku tunai pejabat perakauan) bagi tahun kewangan 2019 yang tidak sempat dikunci masuk pada 31 Disember 2019 hendaklah dikunci masuk dan diluluskan di dalam sistem SPEKS pada **2 dan 3 Januari 2020. Sila ambil perhatian, tiada capaian ke atas sistem SPEKS diperingkat Jabatan/PTJ selepas 31 Disember 2019. Oleh yang demikian, Jabatan/PTJ terlibat dengan terimaan bagi kod urusniaga 153 dan 154 sahaja perlu hadir ke Makmal Komputer Tingkat 11 Perbendaharaan Negeri Selangor untuk menggunakan sistem SPEKS pada tarikh berkenaan.**

g. Proses Gaji Januari Tahun 2020

- Tiada perubahan gaji boleh diproses bagi bulan Januari 2020 kecuali bagi perkara berikut :-
 - i. Perletakan Jawatan
 - ii. Bersara

- iii. Meninggal Dunia
- iv. Buang Kerja
- v. Sijil Gaji Akhir yang diberkuatkuasa pada 31 Disember 2019

- Perubahan gaji bagi perkara seperti dinyatakan hendaklah dikunci masuk oleh Jabatan/PTJ selewatnya pada 27 Disember 2019.
- Jabatan/PTJ yang tidak sempat mengambil tindakan pada 30 Disember 2019 hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Bendahari dengan segera agar tahan gaji di bank dapat dibuat ke atas bayaran gaji kakitangan/pegawai berkenaan.

h. Anggaran Belanjawan Tahun 2020

- Rekod anggaran terperinci Bajet Tahun 2020 hendaklah dikunci masuk di dalam sistem SPEKS dan selesai **DIPERAKUKAN sebelum atau pada 15 Disember 2019.**
- Data ini akan digunakan bagi memproses waran peruntukan tahun 2020 semasa sistem iSPEKS *Go-Live* pada 8 Januari 2020.

4.0 SEMASA PERALIHAN KE SISTEM iSPEKS

Tindakan dan perkara yang perlu diambil perhatian oleh Jabatan dan PTJ **semasa tempoh peralihan dari 1 hingga 7 Januari 2020** adalah seperti berikut:-

a. Terimaan

- Bermula 1 hingga 7 Januari 2020, semua terimaan yang menggunakan sistem SPEKS sebelum ini hendaklah dibuat **secara MANUAL** dengan menggunakan **Resit Rasmi Kew-38.**
- PTJ yang menggunakan sistem sendiri atau *online* untuk menguruskan terimaan, proses ini boleh berjalan seperti biasa.
- Semua penyata pemungut hendaklah dikeluarkan **secara manual** dan **perlu dikunci masuk ke dalam sistem iSPEKS sejurus sistem *Go-Live* pada 8 Januari 2020.**

b. Perbelanjaan

- Bermula 1 hingga 7 Januari 2020, semua Jabatan/PTJ boleh membuat perolehan seperti biasa menggunakan pesanan tempatan dan inden kerja **secara MANUAL** tertakluk kepada peruntukan adalah mencukupi.
- Semua perbelanjaan yang dibuat dalam tempoh ini hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem iSPEKS yang mula boleh digunakan pada 8 Januari 2020 untuk proses bayaran.

c. Bayaran

- Bermula 1 hingga 7 Januari 2020, hanya bayaran yang **mendesak** dan tidak dapat dielakkan sahaja boleh dibuat sepanjang tempoh ini. Permohonan bayaran hendaklah dibuat kepada Pejabat Bendahari sebelum baucar manual disediakan oleh PTJ dan diserahkan kepada Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.
- Bayaran yang tidak mendesak boleh diproses menggunakan sistem iSPEKS bermula 8 Januari 2020

5.0 PENGESAHAN MAKLUMAT

- a. Semua Jabatan/PTJ hendaklah memberikan pengesahan atau maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan kepada Pejabat Bendahari sepanjang tempoh peralihan ini kerana terdapat beberapa perkara perlu disahkan dahulu oleh PTJ sebelum maklumat berkenaan di masukkan ke dalam sistem iSPEKS.
- b. Semua Jabatan/PTJ perlu memastikan maklumat direkod masing-masing adalah tepat dan sebarang perbezaan dengan maklumat yang diberikan untuk pengesahan oleh Pejabat Bendahari hendaklah diselaraskan di peringkat Jabatan/PTJ dahulu sebelum dikemukakan kepada Pejabat Bendahari untuk tindakan.

6.0 PENUTUP

Semua Jabatan/PTJ hendaklah merujuk garis panduan ini untuk tempoh sebelum dan semasa proses peralihan daripada sistem SPEKS kepada sistem iSPEKS bermula dari tarikh garis panduan ini dikeluarkan.

Sebarang maklumat tambahan berkaitan peralihan sistem ini akan dikeluarkan dari masa ke semasa dan sebarang pertanyaan mengenai perkara ini Jabatan/PTJ boleh berhubung terus dengan Unit iSPEKS Pejabat Bendahari Negeri di talian 03-55212307 atau 03-55212314 dan boleh juga merujuk kepada portal rasmi Perbendaharaan Negeri Selangor (URL: <http://pwn.selangor.gov.my>).

Dikeluarkan oleh:
Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Selangor
16 Oktober 2019